

**TEKS UCAPAN DATO SERI DR SITI HASMAH BT HAJI MOHD ALI  
DEWAN BADMINTON CHERAS, KUALA LUMPUR  
MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN BADMINTON PIALA PERDANA 2001  
05 OGOS 2001**

Marilah kita bersama-sama bersyukur ke hadrat Ilahi yang mengizinkan dan mengurniakan kesempurnaan dan kejayaan Majlis Kejohanan Badminton Piala Perdana 2001 pada hari ini. Segala perancangan yang disusun selama enam hari dari 31 Julai 2001 hinggalah petang ini telah berjalan dengan baik dan jayanya. Syukur alhamdulillah, hajat BAKTI sebagai tuan rumah telah pun tiba ke kemuncaknya petang ini.

2. BAKTI mengucapkan selamat datang dan penghargaan tinggi kepada semua tetamu dan penyokong yang hadir begitu ramai sekali, khasnya kepada tetamu kehormat kita YAB Perdana Menteri yang akan menutup kejohanan ini dan menyampaikan hadiah-hadiah. Kehadiran Menteri-Menteri dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri memberi perangsang dan semangat yang kuat kepada pemain-pemain pasukan negeri masing-masing. Mungkin ada pemain yang lebih gentar manakala suami atau keluarga hadir, tetapi tepukan dan sorakan dari para suami memberi sokongan dan semangat yang lebih tinggi lagi kepada isteri-isteri. Mereka telah berlatih bersungguh-sungguh di negeri masing-masing berbulan-bulan dan untuk meningkatkan lagi kecekapan bermain, pertandingan-pertandingan persahabatan antara Badan-badan Wanita yang lain di ibu kota negeri masing-masing dan sebagai "zone tournaments" diatur.

3. Kalaulah para isteri bersungguh-sungguh menyusun jadual untuk membaiki kebolehan mereka untuk bertanding demi Badan Amal dan negeri mereka, para suami haruslah beri sokongan yang padu kepada isteri.

4. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada YB Tuan Speaker Sabah yang telah berturut-turut tahun mengikuti isterinya dan kontinjen BAKISA ke venue kejohanan untuk memberi sokongan penuh kepada kontinjen. Saya dimaklumkan bahawa YB Tuan Speaker kerap kali melawat pemain-pemain ketika "practice" di Kota Kinabalu. Dalam kejohanan ini pula, sorakan dan nasihat-nasihat bagi pemain dari Tuan Speaker cukup lantang sekali! Itulah satu-satunya membuat BAKISA kuat bersemangat dan menang berturut-turut tahun sejak 1998.

5. Kejohanan Badminton Piala Pusingan ini wujud pada tahun 1985 sebagai Kejohanan Piala Toh Puan Suhaila hingga 1989 dan ditukar sebagai Piala Pusingan Perdana Menteri dari 1991 hingga kini. Kejohanan ini tidak ditangguhkan pada mana-mana tahun pilihanraya umum, kecuali pada 1990 di mana Sabah, sebagai tuan rumah ketika itu, berpaling tadah menjadi pembangkang dan semua pasukan yang bersiap sedia untuk ke K.K. terpaksa menarik diri beramai-ramai.

6. Sememangnya menjadi lumrah, pemain-pemain akan bertukar ganti kerana tiada lagi menjadi ahli, atau uzur. Tetapi, saya telah dapati bahawa masih ada lagi pemain-

pemain tahun 1985 yang aktif dalam Kejohanan 2001 ini. Saya ingin mengambil peluang ini untuk memberi kehormatan kepada mereka dengan memperkenalkan nama mereka yang saya dapati dari Ketua-ketua Pasukan dan pemain itu sendiri mereka ialah:

- i. YABhg Datin Seri Utama Puan Sri Hajah Hazizah Hj Tumin, Yang Di Pertua Pekerti.
- ii. YBhg Puan Norzaitun Akmal Md Yunus.
- iii. YBhg Puan Wong Lai Kao
- iv. YBhg Datin Then Foong Lien, semua dari Pasukan PEKERTI, Negeri Sembilan.
- v. YBhg Datin Catherine, Gramong dari Pasukan SABATI, Negeri Sarawak.
- vi. YBhg Puan Sri Datuk Zabedah Abdullah dan YBhg Datin Yee Lay Choo dari Pasukan BISTARI, Melaka.
- vii. YBhg Datin Mariam Bahri dari Pasukan BALKIS, Selangor.
- viii. YBhg Datin Seri Puteri Merhasiah Megat Hussein, YBhg Datin Rokiah Katib dan YBhg Datin Zainab Mohamad, semua dari Pasukan BAIDURI, Perak.
- ix. YM Raja Puan Sri Dato' Noora Ashikin binti Raja Abdullah, bermula sebagai YDP BAIDURI, Perak tetapi sekarang sebagai ahli pemain-pemain BAKTI.
- x. YBhg Datin Ngui Soon Leng dari Pasukan BAKTI.
- xi. YBhg Datin Wan Kalsom Wan Yusuf bermula sebagai pemain Pasukan BIDARA, Kedah dan sekarang sebagai ahli pemain-pemain BAKTI.

7. Kepada mereka semua saya ucapkan syabas dan mendoakan semoga mereka sentiasa sihat dan terus bermain untuk pasukan masing-masing dan menjadi contoh kepada pemain-pemain yang baru dan lebih muda dalam pasukan sekarang.

8. Pada kejohanan kali ini, didapati lima YDP tidak bermain sebagai Ketua Pasukan kerana tidak sihat. Dua lagi sebenarnya tidak sihat dan harus tidak boleh main tetapi mereka bermain juga. Saya ucapkan syabas dan terima kasih kepada mereka kerana bersemangat sukan dan berpasukan semoga mereka sembuh semula.

Tuan-tuan dan puan-puan,

9. Kehadiran Yang Di Pertua-Yang Di Pertua selaku Ketua-ketua pasukan amatlah penting bagi pemain-pemain pasukan. Adalah tanggungjawab kita sebagai Yang Di Pertua untuk bersama memberi dorongan dan semangat kepada ahli-ahli pemain dalam setiap kejohanan. Saya menghargai dan puji Yang Di Pertua-Yang Di Pertua yang tidak boleh bermain tetapi telah bersama-sama dengan pasukan mereka bersorak, bertepuk sebagai galakan dan memberi semangat kepada pasukan. Ini adalah dikatakan "sporting spirit" dan "esprit de corps" Penting sekali ini diteruskan dalam pasukan sendiri dan antara pasukan juga, kerana inilah matlamat dan tujuan kejohanan ini seperti di dalam cogan katanya "Kemesraan Melalui Kesukanan".

10. Rekod kejohanan ini mencatatkan beberapa negeri yangtelah menjadi Johan sejak 1985.

11. Pasukan Bunga Tanjung (1985), Pekerti (1993) dan Perevanispa (1994) (sekarang Teratai) telah biasa menjadi johan sekali. Jika berusaha dengan lebih kuat lagi, tidak ada sebab mereka tidak boleh menjadi johan sekali lagi. Pasukan Bistari (1986 - 1987), Baiduri (1991 dan 1995) dan Balkis (1996 - 1997) telah menang 2 kali.

12. Akhirnya, Pasukan Bakti telah menang 3 kali pada 1988, 1989 dan 1992 dan Bakisa telah menang berturut-turut pada 1998, 1999 dan 2000.

13. Tahun ini Johan Piala Pusingan Perdana 2001 ialah..... . Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah atas kejayaan ..... yang tepat sekali. Mempunyai nasib yang baik dikatakan satu faktor dalam kemenangan tetapi itu sahaja tanpa minat, sikap positif dan usaha melatih diri untuk menguasai kecekapan cara bermain badminton dalam kejohanan dan mendisiplinkan diri berbuat demikian adalah faktor yang utama juga. Syabas dan tahniah.

14. Yang kalah jangan kecewa kerana dengan kekalahan atau gagal mendapat tempat yang lebih tinggi akan dan harus mendorong kita untuk berlatih bersungguh-sungguh dan akan mencuba lagi. Kalau kita kalah dengan yang kuat, ambillah kekalahan itu seperti "an-experience which can improve your skills and strategize your game. So do not give up but please continue to play otherwise you will face the perpetual problem of having to find new players and be trained again".

15. Kejayaan kejohanan ini adalah disebabkan beberapa pihak yang saya sukar sebut satu persatu kerana senarai-nya panjang. Bagi pihak BAKTI dan saya sendiri, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

- i. Penaja yang menghulurkan sumbangan wang dan pelbagai bentuk barangan dan makanan yang cukup berselera dan bertenaga.
- ii. Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan yang memberi kerjasama dan khidmat nasihat.
- iii. Kepada pihak Polis Di Raja Malaysia yang mengaturkan keselamatan dan eskot-eskot trafik, sepanjang kejohanan ini.
- iv. Angkatan Tentera Malaysia, Istana Budaya, UITM dengan Koir dan Orkestra mereka, Persekutuan Gimnastik Malaysia, kesemua membantu dalam Majlis Perasmian Pembukaan dan Penutupan Kejohanan ini.
- v. Puspanita kerana mengatur ahli Puspanita sebagai Pegawai-pegawai Penyelaras untuk setiap kontinjen bersama dengan BAKTI.
- vi. Kepada Dato Bandaraya Kuala Lumpur yang memberi banyak kemudahan dalam menggunakan Dewan Stadium Badminton ini. Saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Bandar sendiri yang sudi merasmikan kejohanan ini serta memberi jamuan makan malam pada 3 Ogos 2001. Saya ucapkan berbilang terima kasih kepada Encik Yazid Samsudin, wakil Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

- vii. Kepada MSN, BAM dan KLBA kerana memberi khidmat dalam Jawatankuasa Teknikal dan mengelolakan semua urusan permainan dalam dewan ini kepada Dato' Punch, Encik Venugopal dan Encik Johnny Quek dan semua Pegawai Referee, Linesmen dan women, Records a very big "thank you" to you.
  - viii. Kepada EON yang mengaturkan 12 bas dan pemandu untuk kontinjen. I am sure, by the time you leave for home in your own transport you will miss the bus drivers who patiently drive you to and from this stadium amidst the busy traffic. I shall miss driver Ah Keong who always made sure that this frail YDP BAKTI got up and came down his bus safely and slowly. He also checked his passengers with an eagle-eye! I will have missed many more wonderful people who made this kejohanan possible but I will not forget to say how much I appreciate members of BAKTI who sat and worked themselves out in the main and various committees which they personally head. Datin Seri Endon, the Naib Yang Di Pertua herself heads a big committee. You have all been wonderful and I thank you most sincerely for a job well done, especially soon after our Malam Amal BAKTI. Syabas!
  - ix. To all the Kontinjens who made their way to K.L. with a lot of enthusiasm and spirit of goodwill and friendship. Thank you ladies and I hope you will continue to play with your team or on your own so that we can meet again and again.
  - x. To the YDPs who led their Team, syabas saudari-saudari. Jaga-jagalah kesihatan supaya bersama dengan rakan berterusan.
  - xi. Kepada Tetamu-tetamu Kehormat - terima kasih.
16. Perjumpaan tahun 2002 - 2003. Berebut-rebut hendak menjadi tuan rumah. Selamat pulang dan berhati-hatilah berjalan.